

## Tetulang, Rozel

OLEH ADNAN ABD. JAMIL  
FOTO: PENULIS

M0447/01



Pokok tetulang.

**P**okok tetulang kelihatan berbeza daripada pokok yang lain. Pokok ini hanya terdiri daripada batang dan ranting. Tidak ada daun yang menghiasi pokok ini. Nama saintifiknya ialah *Euphorbia tircalli*. Di negeri utara Malaysia, khususnya negeri Kedah, pokok ini dikenali juga dengan nama pokok seribu dahan. Ada pula yang menamakannya pokok tulang-tulang.

Tetulang mempunyai pecahan cabang yang

banyak. Pokok tulang-tulang tidak berbuah. Apabila dahan atau ranting pokok tetulang dipatahkan, terdapat sejenis getah berwarna putih akan keluar daripada ranting itu. Getah ini berguna bagi melegakan sakit bisul, menghilangkan bengkak akibat gigitan serangga atau melegakan kesakitan akibat patah tulang yang tidak teruk.

Bagi melegakan sakit akibat bisul atau bengkak kerana gigitan serangga, sapukan getah tetulang pada tempat berkenaan. Jika kesakitan atau patah tulang



Dahan tetulang begitu unik.

yang agak serius, gunakan ranting tetulang yang telah dilayurkan atas api. Semasa ranting itu telah berkurangan panasnya, tuam pada tempat yang sakit. Lebih mujarab jika getah yang masih suam-suam itu disapu pada bahagian yang sakit, kemudian dibalut dengan kain bersih.

Pokok tetulang kelihatan cantik dan menarik sama ada ditanam di dalam pasu atau di halaman rumah. Ia mudah ditanam dengan menggunakan keratan barang. Ketinggiannya boleh mencapai sehingga lima meter.



Pokok rozel.

**P**okok rozel kini semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk Malaysia. Ada yang menjadikannya sebagai tanaman ladang. Penduduk tempatan mengenali tumbuhan ini dengan nama asam paya, asam kumbang, asam susur dan pokok ribena. Nama saintifiknya ialah *Hibiscus sabdariffa* L.

Buah rozel diproses dan dijadikan minuman. Kini, terdapat pengusaha yang menjadikan buahnya sebagai halwa dan jeruk. Pucuknya



Buah rozel.



Bunga rozel.

dibuat ulam. Daun rozel berguna sebagai bahan perasa dalam masakan berkuah seperti sup dan gulai.

Banyak khasiat yang diperoleh daripada minuman atau produk yang dihasilkan daripada rozel. Antaranya termasuklah melancarkan perjalanan darah, melawaskan pembuangan air, mengurangkan tekanan darah tinggi, melegakan demam dan batuk, mengurangkan kadar kolesterol dan mencegah ulser perut.

Rozel mudah ditanam dengan menggunakan biji benih dan hidup subur dalam cuaca panas. Pokok ini cantik ditanam di dalam pasu atau di halaman kerana gabungan warna daun yang hijau, bunga merah jambu dan buahnya yang berwarna merah. **DB**